

## **KENYATAAN AKHBAR**

23 Mac 2009, Shah Alam

### **GT 128 – TRANSFORMASI GENERASI TERKINI MODENAS**

Motosikal dan Enjin Nasional Sdn. Bhd. (MODENAS), hari ini melancarkan motosikal model terbaru MODENAS GT 128 yang menampilkan satu transformasi dari segi rekabentuk yang berbeza dari model-model yang telah diperkenalkan sebelum ini.

Pada bulan September 2006, MODENAS telah memperkenalkan Motosikal X-Cite di pasaran. Motosikal dengan kuasa enjin 130cc ini disokong oleh rakan kongsi Kawasaki Heavy Industries Ltd. dan menepati tahap piawaian EURO 2. Ia telah terbukti sebagai enjin yang tahan lasak, penjimatan petrol yang amat tinggi dan mesra alam. Motosikal ini juga merupakan antara model yang terlaris bagi pasaran eksport Modenas terutamanya di negara Greece dan Iran.

Hari ini, kami akan merealisasikan satu lagi model baru yang merupakan satu transformasi dari Modenas untuk generasi terkini dengan penggunaan enjin 130cc yang dilengkapi teknologi Kawasaki. Projek model ini dinamakan P507, telah mula dibangunkan seawal tahun 2006 dan telah melalui ujian-ujian yang getir oleh jurutera-jurutera tempatan Modenas untuk meyakinkan lagi tahap

kualiti dan kualiti rekabentuk. Kita juga telah mendapat ujian khusus dari Kawasaki Thailand dan telah mendapat pengiktirafan daripada pihak mereka.

Model ini mempunyai penjimatan petrol yang amat tinggi iaitu hampir 65km perjalanan untuk setiap liter. Melalui ujian yang telah dijalankan ke atas motosikal ini, setiap tangki penuh mampu mencapai jarak perjalanan dari Kuala Lumpur ke Bukit Merah (Perak Utara) ataupun dari Kuala Lumpur ke Kluang, Johor dengan purata meter kelajuan 80km/jam.

Berdasarkan ciri-ciri enjin yang tahan lasak dan menjimatkan petrol, model ini juga dilengkapi brek cakera hadapan dan belakang untuk kuasa membrek yang lebih sempurna dan selamat, rim sport untuk pengendalian motosikal yang lebih cekap dan kelihatan bergaya, panel paparan elektronik dengan penunjuk aras untuk petrol, keupayaan bateri dan minyak enjin. Selain itu, ia juga dilengkapi dengan Meter RPM beranalog dan Pengesan Posisi Pendikit Minyak (Throttle Positioning Sensor) yang berupaya mengoptimumkan penggunaan bahan api serta lampu yang lebih terang dan lebar. Ianya juga menampilkan empat corak warna menarik iaitu oren uranium, hijau kriptonia, silver (perak) titanium dan putih millenia serta grafik yang mampu menepati citarasa golongan sasaran di antara 25 hingga 35 tahun yang mahukan ketrampilan "sporty", berani dan berevolusikan generasi terkini.

Bagi tahun kewangan 2008/09, MODENAS telah mensasarkan jumlah jualan sebanyak 65 ribu unit dengan peningkatan sebanyak 9% iaitu 60 ribu unit untuk pasaran tempatan dan 5 ribu unit untuk pasaran eksport.

“Sokongan daripada semua pihak terhadap produk keluaran MODENAS dalam membantu kami membina satu imej yang tersendiri bertepatan dengan slogan kami kali ini ‘TRANSFORMASI GENERASI TERKINI’, ujar Encik Abdul Harith bin Abdullah, Ketua Pegawai Eksekutif MODENAS dalam ucapan beliau di majlis tersebut.

Majlis Pelancaran telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Hj. Mohd. Khamil Jamil, Pengarah Urusan Kumpulan DRB-HICOM Berhad dan diiringi oleh YBhg Dato’ Syed Mohammad Aidid bin Syed Murtaza, Pengerusi MODENAS. Turut hadir ialah Ahli-Ahli Pengurus Kanan Kumpulan DRB-HICOM Berhad dan Lembaga Pengarah Modenas / EMOS.

Bertepatan dengan Kempen Beli Barang Malaysia yang menggesa ke arah penjimatan dan harga yang berpatutan, harga jualan model MODENAS GT 128 ini ialah RM4,888.00.

Untuk keterangan lanjut sila hubungi :

En. Amir Abu Bakar  
Pengurus Pemasaran  
Edaran MODENAS Sdn. Bhd  
Email : [amirab@modenas.com.my](mailto:amirab@modenas.com.my)  
Atau  
Puan Norizah Md. Desa  
Eksekutif Pemasaran  
Edaran MODENAS Sdn. Bhd.  
Email : [norizahd@modenas.com.my](mailto:norizahd@modenas.com.my)